

Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di Sekolah Menengah Harian, Malaysia

Faridah Mariani Binti Johari, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

fmj13_edu023@student.usm.my

Widad Othman, Fakulti Pendidikan dan Bahasa,

Open Universiti Malaysia, Kuala Lumpur,

widad@oum.edu.my

Hairul Nizam Ismail, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

hairul@usm.my

Zainudin Isa, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

zainudin@usm.my

Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan pelbagai isu berkaitan mata pelajaran baru di sekolah menengah akademik yang dikenali sebagai Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang baru dilaksanakan pada tahun 2013. PAV merupakan matapelajaran berasaskan kompetensi (*Competency Based Education/ CBE*) yang merangkumi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran berasaskan keterampilan. Justeru, fokus utama kertas ini ialah untuk mengupas mengenai isu serta cabaran terhadap pelaksanaan PAV daripada aspek penyediaan dan latihan guru, proses pengajaran dan pembelajaran, penyediaan sumber, bahan dan peralatan, serta sistem penilaian dan pentaksiran. Adalah diharapkan kertas konsep ini dapat memperluaskan perspektif dan pemahaman terhadap pelbagai isu berkaitan dengan proses pelaksanaan program PAV di sekolah-sekolah menengah harian biasa di Negara ini.

Kata Kunci: PAV, isu dan cabaran

Pengenalan

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memainkan peranan yang amat mencabar pada abad ini berikutan dengan perkembangan gelombang transformasi semasa. Bidang PTV ini mempunyai tanggungjawab yang besar bagi merealisasikan pelbagai dasar transformasi pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah menghasilkan modal insan berkualiti yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi. Dalam perbentangan Rancangan Malaysia ke 9 (RMK-9), kerajaan menunjukkan komitmennya untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan latihan untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dengan memperbanyakkan institusi latihan awam, menambahkan kursus lanjutan dalam bidang teknikal. Sehingga tempoh akhir RMK-9, sistem penyampaian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) terus memberi keutamaan kepada menghasilkan modal insan berkualiti yang diperlukan untuk pembangunan ekonomi (Abdullah Ahmad Badawi, 2006).

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi (KPM, 2011). Antara matlamat transformasi pendidikan vokasional yang telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri ialah mewujudkan sistem pendidikan vokasional baharu digerakkan oleh sumber manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasi pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan. Di samping itu, melahirkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang berdaya saing, memiliki kelayakan

dan kemahiran yang diiktiraf, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja (Asnul, Nor Fadila, Ruhizan & Ramlee, 2012).

KPM telah membuka peluang kepada murid yang cenderung, berbakat dan berminat dalam Pendidikan Vokasional menerusi program PAV. Menurut Ahmad Tajudin (2012, Januari 4) bahawa pelaksanaan PAV bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga muda berkemahiran tinggi memandangkan tidak semua pelajar cenderung ke arah akademik yang lebih berorientasikan peperiksaan. Ini selari dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa transformasi ini menjanjikan kelulusan sehingga ke peringkat Diploma secara jalan pintas melalui pewujudan Kolej Vokasional (KV) selepas Tingkatan Tiga. Pelajar mula didedahkan asas mata pelajaran vokasional dan boleh memilih jurusan kemahiran seawal umur 13 tahun iaitu semasa berada di Tingkatan 1 (Alimuiddin, 2011; & Nur Iwani & Mohamad Hisyam, 2012).

Transformasi Pendidikan Vokasional ini berpotensi menarik minat lebih ramai pelajar cemerlang memasuki aliran ini. Sekiranya pendidikan ini dapat menjanjikan peluang pekerjaan yang baik dan pendapatan yang tinggi kepada pelajar, maka sudah tentu ibu bapa turut menggalakkan anak-anak mereka mengambil peluang yang telah disediakan ini. Semua ini dilaksanakan demi melahirkan modal insan bertaraf global yang mempunyai daya saing yang tinggi dan berkemahiran (Mohamad Rizal, 2011).

Latarbelakang PAV

KPM telah memutuskan supaya PAV diperkenalkan kepada pelajar bermula seawal Tingkatan 1, menerusi Transformasi Pendidikan Vokasional bagi menggantikan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang sedang dilaksanakan di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di sekolah menengah harian. PAV telah dilaksanakan secara rintis mulai tahun 2012 bagi pelajar Tingkatan 1 di 15 buah sekolah menengah berdasarkan kriteria tertentu. Pada tahun 2013, sebanyak 135 sekolah telah dipilih KPM untuk melaksanakan PAV secara penuh (KPM, 2012).

Jadual 1: Unjuran Sekolah yang menawarkan PAV sehingga tahun 2020

Tahun/ sekolah	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Sekolah baru	15	135	110	110	110	110	110	110	110
Sedia Ada	0	15	150	260	370	480	590	700	810
Bil. Sekolah	15	150	260	370	480	590	700	810	920

Menjelang tahun 2020, disasarkan seramai 82,800 orang pelajar berada dalam PAV yang melibatkan 2,760 buah kelas dan 920 buah sekolah sepertimana dalam Jadual 1 di atas. KPM bercadang menawarkan PAV ke semua sekolah MPV secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan, perolehan peralatan dan pembangunan. Adalah menjadi harapan dan tujuan setiap kurikulum baru yang diperkenalkan diharapkan dapat memberi impak positif dalam sistem pendidikan. Walaubagaimanapun ia bukanlah suatu yang mudah, ia melibatkan pelbagai faktor yang berkaitan seperti pelajar, guru, kemudahan infrastruktur, peralatan, bahan, peruntukan kewangan serta pengurusan dan lain-lain (Nurulhuda & Roslan, 2008).

Hasrat PAV ialah mengekalkan murid dalam sistem persekolahan melalui pendidikan bercorak vokasional. KPM percaya bahawa semua murid mempunyai potensi yang perlu digilap dan setiap mereka mesti diberi peluang menunjukkan kebolehan masing-masing. Menurut Widad dan Syed Hadzir (1996), murid-murid ini dijangka mendapat pelbagai ilmu pengetahuan secara teori di samping berupaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut di rumah serta dalam kehidupan seharian mereka. Sehubungan dengan itu, guru PAV perlu memberi lebih penekanan di dalam meningkatkan tahap keyakinan diri murid PAV seterusnya mengembangkan bakat yang mereka miliki.

Isu Dan Cabaran

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 menyatakan isu dan cabaran bagi melaksanakan program pendidikan adalah kurang kesepaduan antara pelbagai program yang menyebabkan keberkesanan sesuatu program pendidikan tidak dapat diukur secara tepat dan menyeluruh. Selain itu, pihak berkepentingan mendapat maklumat yang terhad serta mempunyai gambaran yang kurang jelas mengenai keperluan, masalah, prosedur dan mekanisme menyalurkan bantuan (KPM, 2006). Pada 24 November 2008, Dato' Hj. Yusoff Harun, Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM telah membentangkan kertas kerja seminar mengenai masalah dalam PTV ialah kekurangan penglibatan pihak industri, kekurangan warga pendidik yang mempunyai pengalaman industri, kekurangan dana, kekurangan dasar dalam menyokong PTV, gambaran negatif dalam PTV, gambaran negatif kepada pekerjaan kolar biru dan kurikulum yang tidak efektif dan kurang fleksibel (Azila, Rohana & Amirmuddin, 2010). Di antara isu dan cabaran yang diutarakan di sini ialah seperti berikut:

Cabaran 1: Penyediaan dan Latihan Guru PAV yang mencukupi

Cabaran utama adalah untuk mendapatkan tenaga pengajar yang mencukupi, berkelayakan dan berpengalaman bagi melaksanakan program PAV secara berkesan. Tanpa penglibatan dan sokongan kaum guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan mungkin terbengkalai begitu sahaja. Guru menjadi tunjang kepada sistem pendidikan, pelaksana segala dasar, dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Justeru itu, bidang perguruan adalah aspek yang signifikan bagi menjamin kegemilangan sesebuah negara. Guru menjadi teras dalam menentukan standard, mutu dan keberkesanan sistem pendidikan. Oleh itu, tidak dinafikan dalam memperkatakan tentang kepentingan pendidikan, maka guru memainkan peranan utama untuk menyalurkan ilmu dan kemahiran dalam pendidikan formal (Saedah & Mohammed Sani, 2012).

Masih terdapat sekolah-sekolah yang melaksanakan Program PAV, dikendalikan oleh guru-guru baru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada lima tahun. Ini menjadi cabaran utama kepada mereka bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan baik dan sistematik. Kebanyakan guru-guru yang berpengalaman melaksanakan program MPV dengan lebih baik. Selain itu, didapati guru-guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas lebih tinggi telah menunjukkan kompetensi pedagogi yang sangat baik. Sebagai contoh mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada bahan yang dibekalkan sebaliknya menggunakan bahan-bahan rujukan sendiri dan mengaplikasi pendekatan belajar dalam pengajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Orientasi pelaksanaan PAV adalah bercorak '*competency based training*' (CBT) dan sistem modular. Sehubungan dengan itu, guru-guru yang mengendalikan program ini sudah pasti perlu mempunyai kemahiran CBT dan menguasai teknik pelaksanaan sistem modular secara berkesan.

Apabila dilihat dari aspek penyediaan guru pula, sudah semestinya guru-guru yang terlibat sepenuhnya dengan program PAV sepatutnya berdasarkan bidang pengkhususan di peringkat ijazah pertama yang selari dengan CBT. Walaubagaimanapun, pengambilan guru di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak menawarkan pengkhususan matapelajaran seperti mana yang ditawarkan di dalam program PAV. Guru-guru teknikal yang dilatih di peringkat Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), pengkhususan mereka adalah Rekabentuk dan Teknologi (RBT) dan Kemahiran Hidup yang di tawarkan di lima buah IPG (IPG Kampus Teknik, IPG Kampus Batu Pahat, IPG Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, IPG Kampus Perlis) seluruh Malaysia (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2013).

Manakala guru-guru teknikal yang dilatih diperingkat Universiti Awam seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), adalah menyediakan guru-guru teknikal untuk keperluan Sekolah Menengah Teknik/ Kolej Vokasional, Politeknik dan Kolej Komuniti (KPM, 2006; & Ahmad, Razali, Jamaludin & Mohd Yusof, 2012). Isu penempatan guru menjadi isu yang paling hangat dikemukakan oleh guru pelatih kepada KPM. Walaupun sistem pendidikan sudah mengalami pelbagai

perkembangan namun penempatan guru masih menjadi isu yang membimbangkan. Ini adalah kerana penempatan guru ketika ini dilihat tidak mengikut keperluan mata pelajaran tetapi mengikut unjuran yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Kadangkala berlaku *mismatch* dalam penempatan guru berkenaan, penempatan mengajar di kawasan bukan pilihan menyebabkan guru-guru ini mempunyai tahap motivasi yang rendah serta memerlukan sokongan moral yang lebih tinggi (Abdul Rasid, Mohd Yusof, Ahmad Rizal, Mohamad Zaid, Jamaluddin & Madiha, 2010).

Menurut Laporan Penilaian Pelaksanaan MPV (2003), pelaksanaan 8 MPV Fasa 1 perlu dikaji semula khususnya aspek kurikulum, latihan guru, dan peruntukan staf sokongan. Persoalan asasnya adakah latihan yang disediakan oleh pihak KPM mencukupi dan memenuhi keperluan pelaksanaan PAV di sekolah menengah harian sedangkan program MPV perlu dikaji semula? Tidakkah program MPV ini turut memberi kesan kepada pelaksanaan PAV? Ini adalah kerana program PAV ini dilaksanakan di sekolah di mana MPV masih berjalan dengan menggunakan sumber tenaga yang sedia ada, termasuklah kemudahan infrastrukturnya.

Cabaran kepada guru dalam pendidikan kini merangkumi usaha melengkapkan diri dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, menangani masalah disiplin dan gejala sosial, pengurusan sekolah yang berkesan, harapan mengungguli masyarakat dan banyak lagi. Oleh itu, para guru hendaklah terdiri dari golongan yang kuat semangat perjuangannya dan bersedia untuk mengadaptasi diri dengan perubahan yang berlaku begitu pantas masa kini (Saedah & Mohammed Sani, 2012). Persoalannya, adakah guru-guru Teknikal yang melaksanakan program PAV ini cukup kompeten dalam menangani cabaran-cabaran ini?

Cabaran 2: Proses Pengajaran dan Pembelajaran PAV

Pendidikan adalah proses dan aktiviti bertujuan yang boleh membawa kepada perubahan seseorang individu. Pada zaman moden ini guru bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri seseorang. Guru haruslah memahami idea perubahan dengan sempurna dan menyusun strategi dengan rapi untuk memastikan perubahan dilaksanakan dengan jayanya (Yahya & Lailanita, 2011). Pengajaran kemahiran sosial dan nilai-nilai sosial (kemahiran bukan kognitif) perlu diterapkan kepada pelajar di samping kurikulum yang sedia ada, supaya mereka jelas pengintegrasian dalam tugas teknikal di samping kerja amali bagi membolehkan mereka boleh membuat jangkaan terhadap kerjaya masa depan sepertimana yang diutarakan oleh Ramlee dan Rohana (2013). Melalui strategi pengajaran, pelajar digalakkan untuk memahami, menemui, menganalisis, mensintesis isu-isu atau cabaran (Krathwohl, 2002).

Guru-guru pendidikan vokasional perlu memberi tumpuan kepada program PAV. Ini adalah kerana menurut laporan rasmi dari bank dunia dan UNESCO-UNEVUV, mendapati guru-guru vokasional di negara-negara membangun, terutamanya di rantau ini Southeast Asian, sering tidak memenuhi tuntutan dunia kerja. Mereka kekurangan kemahiran pedagogi pemindahan pengetahuan yang lebih berkesan. Oleh itu, sebahagian besar pembelajaran pelajar menjadi pasif, tidak membantu dalam meningkatkan kecekapan profesionalismenya (Dadang Kurnia & Ilhamdaniah, 2013). Ini selari dengan pandangan Derek Cheung (2001); dan Zohar, Degani dan Vaaknin (2001) menyatakan bahawa banyak percubaan dalam perubahan pendidikan telah gagal kerana aspek penguasaan terhadap kandungan subjek yang diajar, strategi pengajaran di bilik darjah dan kemahiran dalam penguasaan alatan teknologi dalam kalangan guru yang tidak mencapai tahap yang sepatutnya.

Program PAV berorientasikan CBE dan sistem modular bagi memastikan murid dapat menguasai sesuatu tugas dengan baik sebelum bergerak ke tugas yang baru. Hamdan, Hanipah dan Saprin (2004) menegaskan guru perlu menyusun strategi terlebih dahulu sebelum melaksanakan proses pdp dilaksanakan bagi memastikan setiap objektif pengajaran tercapai, guru perlu lebih bersedia dengan kaedah-kaedah, bahan rujukan, aktiviti-aktiviti pelajar dan membuat jadual masa yang cukup bagi tempoh pengajarannya. Maka kaedah mengajar secara konvensional sudah tidak sesuai lagi memandangkan objektif diperkenalkan PAV ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja yang separa

mahir dan mahir bagi memenuhi keperluan Negara. Maka guru PAV perlu sentiasa mempertingkatkan kualiti diri dan profesionalisme keguruan bagi memperlengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran generik dan kemahiran vokasional dengan mengaplikasikan teknologi terkini (Dadang Kurnia & Ilhamdaniah, 2013).

Dadang Kurnia dan Ilhamdaniah, (2013) telah mengutarakan satu isu mengenai guru teknik dan vokasional iaitu guru-guru ini tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang *up-to-date* the perkembangan semasa dalam dunia industri. Ini diburukkan lagi oleh kekurangan dan kelemahan kritikal terhadap pendedahan perkembangan terkini pengetahuan dan kemahiran industri dalam kalangan guru. Persoalannya ialah bagaimana pengetahuan dan kemahiran pelajar boleh ditingkatkan jika guru-guru mereka hanya mempunyai keupayaan pengetahuan dan kemahiran yang terhad? Sejauhmanakah guru-guru ini sebagai pendokong dan pembawa perubahan dalam dunia pendidikan bersedia menghadapi cabaran tersebut? Di sini dicadangkan agar guru-guru teknik dan vokasional ini khususnya yang terlibat dengan program PAV perlu menggunakan alam siber untuk mendapat maklumat sepanjang masa, tanpa sempadan dan amat baik dijadikan sebagai satu budaya yang sihat. Langkah ini adalah sejajar dengan usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru untuk membimbing setiap pelajar melalui pembelajaran terarah sendiri (*self-directed*), bergerak pada kemampuan sendiri (*self-paced*), dan pemerolehan sumber pembelajaran dengan sendiri (*self-accessed*) untuk mengoptimumkan proses pembelajaran. Menurut Gunnink dan Bernhardt, (2002) dan Nor Lisa (2012) menyatakan bahawa kurikulum PTV direka untuk melibatkan pelajar dengan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah bagi menganalisis dan menyelesaikan masalah kejuruteraan untuk rakan-rakan dan masyarakat.

Cabaran 3: Penyediaan Sumber, Bahan dan Peralatan PAV

PAV tidak hanya tertumpu kepada pembelajaran secara teori sahaja tetapi melibatkan aktiviti amali. Aktiviti amali dijalankan di bengkel/bilik-bilik khas kerana kelengkapan dan kemudahan yang ada dapat membantu proses aktiviti amali (Nor Azeanie & Supli Effendi, 2010). PAV perlukan suasana pembelajaran yang kondusif dan lengkap dengan peralatannya serta bengkel/bilik-bilik khas. Pihak pentadbiran sekolah dan guru PAV perlu memastikan keadaan bengkel/bilik-bilik khas adalah kondusif serta selamat sepanjang proses pdp berlaku.

Menurut Azizi dan Jesmin (2008), peralatan dan kemudahan fizikal adalah faktor penting yang perlu dititikberatkan dan diselenggarakan dengan sebaik mungkin. Jika sesebuah pusat kemahiran tidak mempunyai kemudahan fizikal yang lengkap, ini turut mempengaruhi keberkesanan program-program yang dijalankan. Keberkesanan sesuatu program turut tergendala atau terganggu kerana persekitaran dan suasana yang tidak selesa dan tidak teratur. Oleh itu kepentingan aspek kemudahan dalam proses pembelajaran memainkan peranan yang utama bagi menjamin keberkesanan. Kelengkapan bengkel merangkumi alatan tangan dan mesin yang terdapat dalam bengkel atau makmal yang mempunyai jangka hayat tertentu. Bengkel dan peralatan merupakan elemen penting dalam pdp bercorak latihan kemahiran terutamanya yang melakukan kerja amali (Siti Atiqah, 2008). Ia selari dengan pandangan Nurasyikin dan Norja Khairayarani, (2011) bahawa bengkel yang diuruskan dengan baik dan sistematik akan membantu proses pdp. Ia bersesuaian dengan kerja-kerja berbentuk amalan praktik yang dilakukan di dalam bengkel merupakan komponen utama dalam pdp.

Selain daripada peralatan dan infrastruktur bengkel, bahan turut memainkan peranan dalam memastikan aktiviti pdp dapat berjalan dengan baik dan berkesan. Sistem pembelajaran bagi PAV ini berteraskan *Task Based*. Ini menjadi cabaran kepada guru kerana setiap tugas yang ada dalam sesuatu subjek itu berdasarkan kepada task yang memerlukan bahan yang mencukupi. Ini akan menimbulkan beberapa masalah dari segi pengurusan kewangan kerana ada di antara mereka tidak mempunyai pengalaman dalam membuat urusan pembelian barangan. Mereka akan berhadapan dengan masalah mendapatkan pembekal dan membuat penawaran harga rendah untuk barangan yang hendak dibeli bagi memastikan semua keperluan bahan untuk pdp dapat dipenuhi (Sarimah & Farawahida, 2010).

Cabaran 4: Sistem Penilaian dan Pentaksiran PAV

Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Modal insan ini berupaya berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan cabaran dunia global yang sering berubah mengikut peredaran zaman (Noor Azreen, 2011).

Kesan perubahan kurikulum baru, membawa kepada peningkatan latihan dalam institusi pendidikan. KPM perlu menyediakan satu ruangan untuk para guru meningkatkan profesionalisme di samping meningkatkan kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan sistem pentaksiran yang baru. Perubahan ketara dalam melaksanakan pentaksiran PAV tanpa SPM memperlihatkan satu lagi inovasi dalam pendidikan. Justeru itu, pentaksiran untuk pdp mestilah secara berterusan bagi memastikan setiap pelajar memahami dan menterjemahkan kehendak tugas. Melalui pentaksiran ini bukan sahaja dapat menilai kemajuan pelajar, malahan proses pembinaan modal insan yang holistik (Reeves, 2000; Noor Azreen & Sulaiman, 2012; & Ramli Rashidi, 2013).

Persoalannya di sini ialah adakah guru menjalankan pentaksiran terhadap pembelajaran (*assessment of learning*) atau pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dalam menilai kemahiran pelajar PAV? Dalam hal ini, menurut ARG (1999) dan Black dan Wiliam (1998), pentaksiran disekolah hendaklah diamalkan untuk dua tujuan utama iaitu memberi gred dan pelaporan bagi menentukan status pembelajaran pelajar dan untuk menggalakkan pembelajaran sebagai pentaksiran untuk pembelajaran. Sistem pentaksiran kompeten dilaksanakan lebih fleksibel, bersifat individu dan mampu mempertingkatkan pembelajaran pelajar (Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaluddin, 2007).

Sistem penilaian dan pentaksiran yang dilaksanakan dalam PAV menggunakan empat kaedah pentaksiran seperti Pentaksiran Sekolah (PS), Pentaksiran Pusat (PP), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) perlukan komitmen dan tanggungjawab yang tinggi bagi memastikan pelaksanaan mempunyai nilai kebolehpercayaan dan keesahan yang tinggi. Ini selari dengan pandangan Widad Othman, (1998) yang menyatakan bahawa guru yang bijaksana melaksanakan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat dan boleh mencerahkan masa depan pelajar dengan peluang yang ada. Guru sebagai pembimbing atau model berupaya mempengaruhi sikap pelajar terhadap pencapaian akademik mereka. Mampukah guru-guru PAV yang ada kini melaksanakannya dengan baik?

Isaacson (1999) dalam Mohamad Azhar dan Shahrir (2007) menyatakan bahawa sebilangan besar guru tidak menggunakan sepenuhnya maklumat daripada pentaksiran semasa proses pdp untuk memantau pembelajaran pelajar, menilai keberkesanan pelbagai kaedah pengajaran guru dan sebagai panduan membuat keputusan berkenaan pengajaran. Ini selari dengan pandangan Abu Bakar Nordin (1986); dan Airasian (2000), implikasinya ialah pelajar yang lemah terus tertinggal atau terus diketepikan, kelemahan pengajaran guru tidak diperbaiki dan guru lebih cenderung meletakkan kesalahan pada bahu pelajar semata-mata apabila keputusan peperiksaan kurang memuaskan. Amalan pentaksiran ini menyebabkan berkembangnya budaya *teaching the test* (mengajar peperiksaan) berbanding *teaching to the test* (mengajar untuk peperiksaan). Budaya ini jika diteruskan boleh memberi implikasi negatif di mana pencapaian yang dihasilkan adalah palsu atau tidak akibat daripada aktiviti persediaan peperiksaan yang tidak beretika (Gallagher, 1998).

Persoalannya di sini, adakah guru-guru PAV mempunyai persediaan yang mencukupi dari aspek fizikal, mental, kemahiran vokasional dan intelektual bagi memastikan pelaksanaan PAV ini mencapai objektif yang telah ditentukan oleh pihak KPM? Guru-guru PAV ini perlu cekap dalam melaksanakan dan menguruskan dokumen pentaksiran sekolah yang terdiri daripada Dokumen Pentaksiran Standard Kompetensi (DPSK) dan Dokumen Item Contoh Pentaksiran Standard Kompetensi (DICPSK).

Dokumen ini merupakan instrumen untuk mengukur kompetensi dan tahap kemahiran pelajar. Adakah guru-guru PAV ini mampu menjalankan tugas ini dengan sebaik mungkin supaya dapat memenuhi tuntutan Lembaga Peperiksaan Malaysia? Ini selari dengan pandangan Begum dan Farooqui (2008) menyatakan bahawa sistem pentaksiran perlu dikendalikan oleh guru-guru yang berpengetahuan dan berkemahiran bagi melaksanakannya di sekolah. Guru-guru yang kurang mahir akan menghadapi kekangan untuk mentaksir pelajar serta akan berikan impak yang buruk pada pencapaian pelajar tersebut.

Terdapat beberapa cadangan berkaitan dengan pelaksanaan sistem berasaskan sekolah iaitu penyelia akademik perlu diberi tanggungjawab untuk memantau pelaksanaan sistem pentaksiran ini. Pengetua sepatutnya mengadakan mesyuarat dan memeriksa rekod setiap guru pada setiap penggal di samping menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau rekod tersebut. Pengetua perlu membuat mesyuarat bersama ibu bapa dan penjaga sesudah tamat setiap penggal dan berusaha menyelesaikan aduan yang diberikan oleh ibu bapa. Disamping itu, bimbingan dan kaunseling boleh diperkenalkan untuk memberi peluang kepada guru dan pelajar yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan sistem pentaksiran yang baru ini (Begum & Farooqui, 2008).

Kesimpulan

Kertas konsep ini diharapkan dapat menyediakan suatu pemahaman mengenai asas sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi membantu mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan sesuatu program teknikal dan vokasional. Jelaslah pelaksanaan PAV yang bercorak *hands-on* memainkan peranan yang penting dalam reformasi pendidikan kepada murid yang kurang berminat dengan pendidikan yang berorientasikan akademik Pendidikan Teknik dan Vokasional menjadi teras dalam membangunkan potensi individu ke arah bertaraf dunia bagi memenuhi aspirasi negara Malaysia. Demi meningkatkan tahap keberkesanan pelaksanaannya, dikemukakan beberapa cadangan penambahbaikan daripada aspek latihan guru, kemudahan bahan, peralatan dan infrastruktur yang perlu diambil tindakan oleh semua yang terlibat dalam pelaksanaannya. Diharapkan semua guru sebagai pelaksana dapat menyumbangkan tenaga, kreativiti dan komitmen bagi menjayakan program ini. Seterusnya untuk mengarusperdanakan Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang berpengetahuan bagi mencapai status negara dan rakyat berpendapatan tinggi menjelang 2015.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman. (2003). *Falsafah pendidikan dan kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Abdul Rasid, A. R., Mohd Yusop, A. H., Ahmad Rizal, M., Mohamad Zaid, M., Jamaluddin, H., & Madiha, B. (2010). *Kesediaan guru pelatih terhadap penempatan di sekolah bukan pilihan: kajian ke atas guru pelatih tahun akhir Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Paper presented at the Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2010, 2-3 Ogos 2010, Hotel Concorde, Shah Alam.
- Ahmad Badawi Abdullah. (2006). *Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010)*. Dicapai pada 2 Februari 2010, dari <http://webevents.bernama.com/events/rmk9/speechBM.html>
- Ahmad Badawi Abdullah. (2006). Laporan Kajian Separuh Penggal RMK 9. *Berita Harian Online*. Dicapai pada 12 Februari 2013, dari <http://klikkhas.bharian.com.my/klikkhas/RMK9>
- Ahmad Bin Esa, Razali Hassan, Jamaludin Hashim, & Mohd Yusop Hadi. (2012). *Cabaran Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) Di Malaysia: Peranan UTHM Dalam Melahirkan Pendidik Berketrampilan*. Paper presented at the Seminar JPPG 2009. 22-24 Disember 2012, Hotel Impiana Casuarina, Ipoh.
- Ahmad Tajudin Jab (2012, Januari 4). Projek Rintis Program Asas Vokasional. *Berita Harian*.
- Alimuddin Mohd Dom. (2011, September 19). Martabatkan pendidikan vokasional. *Utusan Malaysia*.
- Asnul Dahar Minghat, Nor Fadila Amin, Ruhizan M. Yasin, & Ramlee Mustapha. (2012). *Pembinaan indikator kelestarian pendidikan teknikal dan vokasional sekolah menengah harian melalui*

- kajian delphi*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, 07 - 09 Oktober 2012: The Zon Regency by The Sea, Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia.
- Azila Dason, Rohana Hamzah, & Amirmuddin Udin. (2010). Hala tuju pendidikan teknik dan vokasional ke arah memartabatkan falsafah pendidikan negara. *Journal of Edupres*, 1-13
- Azizi Yahaya & Jesmin Abd Wahab. (2008). *Keberkesanan program-program pemulihan tingkah laku di Taman Seri Putri, Batu Gajah dan Kompleks Dar-Assa'adah*. (Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia. Melalui capaian internet: http://eprints.utm.my/5924/1/aziziyah_akhlak.pdf
- Begum, M., & Farooqui, S. (2008). School based assessment: Will it really change the education scenario in bangladesh? *International education studies*. 1(2).
- Derek Cheung. (2001). School-based assessment in public examinations: Identifying the concerns of teachers. *Educational Journal*, 29(2). The Chinese University of Hong Kong.
- Esa, A. B., Hassan, R., Hashim, J., & Hadi, M. Y. (2012). *Cabaran Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) Di Malaysia : Peranan UTHM Dalam Melahirkan Pendidik Berketrampilan*. Paper presented at the Seminar JPPG 2009. 22-24 Disember 2012, Hotel Impiana Casuarina, Ipoh.
- Gunnink, B., & Bernhardt, K. L. S. (2002). Writing, critical thinking, and engineering curricula. *Frontiers in Education*, 2. F3H-2- F3H-7. doi:10.1109/FIE.2002.1158211
- Hamdan, Hanipah & Saprin. (2004). *Teknik mengajar dewasa panduan untuk jurulatih*. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2013). Program pengajian institut pendidikan guru. *Program praperkhidmatan*.
from http://www.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=109:program-pra&catid=61&Itemid=740&lang=ms
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Bab 10 faktor kritikal kejayaan pelan induk pembangunan pendidikan 2006 – 2010*. Melalui capaian internet pada 19 Jun 2013: <http://www.prestariang.com.my/ictindustryinfo/download.php?id=74&rid=45>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Panduan pelaksanaan kurikulum: PAV di sekolah menengah harian, tingkatan 1 hingga 3*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia (2006). “Modul pembangunan kemahiran insaniah (*soft skills*) untuk institusi pengajian tinggi malaysia”. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Krathwohl, D. R. (2002). A revision of Bloom's taxonomy: An overview. *Theory into Practice*, 41(4), 212-218
- Mohamad Azhar Mat Ali, & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan Pentaksiran untuk Pembelajaran di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan*, 27 (1), 19-39.
- Mohamad Rizal Azman Rifin. (2011, Februari 17). Wajah baru pendidikan vokasional. *Berita Harian*, Bil. 58, 23 (Varsiti).
- Noor Azreen Abd Aziz. (2011). *Pentaksiran alternatif: Menuju ke arah transformasi sistem pentaksiran di Malaysia*. Prosiding persidangan kebangsaan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan dan latihan teknik dan vokasional. 16 – 17 November 2011: Hotel Naza Talyya, Pulau Pinang; ms 616-623.
- Nor Lisa Sulaiman. (2012). *Incorporating critical thinking: Teaching strategies in Malaysian technical and vocational education (TVE) programs*. (Order No. 3551660, Colorado State University). ProQuest Dissertations and Theses, 257. Retrieved from <http://search.proquest.com/docview/1288386012?accountid=14645>. (1288386012).n (TCVE) programs.
- Nurasyikin Fazil & Norja Khairayarani Amin. (2011). *Kajian peningkatan kemaahiran pelajar Sijil Modular Kebangsaan SMK 1: Pendawaian permukaan fasa tunggal pemasangan elektrik di kolej komuniti bayan baru*. Prosiding persidangan kebangsaan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan dan latihan teknik dan vokasional. 16 – 17 November 2011: Hotel Naza Talyya, Pulau Pinang; ms 459-466.

- Nur Iwani Azmi, & Mohamad Hisyam Mohd. Hashim. (2012). *Kurikulum kursus pembuatan perabot pendidikan asas vokasional di sekolah menengah akademik harian: Transformasi pendidikan vokasional negara*. Prosiding seminar pendidikan pasca ijazah dalam PTV Kali ke-2, 13 Jun 2013 (p. 149-161), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nurulhuda Azizi, & Mohammad, R. A. (2008). Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program Lukisan Kejuruteraan Dari Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran *Isu-isu Pendidikan Teknik dan Vokasional* (pp. 181-189). Universiti Teknologi Malaysia: Penerbit UTM.
- Ng Ying Shya (2004). *Penggunaan alat bantuan mengajar di kalangan guru-guru teknikal sekolah menengah teknik, negeri kedah*. (Tesis sarjana muda tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Laporan penilaian pelaksanaan mata pelajaran vokasional (MPV)*. Kementerian Pelajaran Malaysia. Melalui capaian internet pada 2 Februari 2013: <http://mamo60.tripod.com/laporanppk2003.htm>
- Ramlee Mustapha, & Rohana Rahmat. (2013). Integration of social skills and social values in the National Dual Training System (NDTS) in the Malaysian automotive sector: employers' perspective. *TVET @ Asia: The Online Journal for Technical and Vocational Education and Training in Asia* (1), 1-15.
- Reeves, T.C. (2000). Alternative assessment approaches for online learning environments in higher education. *Journal of Educational Computing Research*, 23(1).
- Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). *Standard Kompetensi Guru Malaysia*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Malaysia, 07 - 09 Oktober 2012, The Zone Regency by The Sea, Johor Bahru.
- Sarimah Ismail dan Farawahida Yassin. (2010). *Kekangan Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Johor Bahru. Melalui capaian internet pada 11 Februari 2013. http://eprints.utm.my/10497/1/kekangan_Pelaksanaan_MataPelajaranVokasional_di_sekolah_menengah-negeri-johor.pdf
- Siti Atiqah Sharudin. (2008). *Faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bengkel vokasional di dua buah sekolah menengah teknik di negeri sembilan*. Universiti Teknologi Malaysia
- Tengku Sarina Aini dan Yusmini. (2006). *Kaedah mengajar & kemahiran interpersonal guru*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zafar Sdn. Bhd
- Yahya Buntat & Lailanita Ahamad. (2011). *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik dari Perspektif Guru*. (Tidak diterbitkan), p.1-8, Universiti Teknologi Malaysia.
- Widad Othman dan Syed Hadzir Jamalulail. (1996). Persepsi terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling: suatu kajian kes. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia. Melalui capaian internet. <http://ml.scribd.com/doc/48359339/Pusat-Pemulihan-Akhlak>
- Zohar, A., Degani, A., & Vaaknin, E. (2001). Teachers' beliefs about low achieving students and higher order thinking. *Teaching and Teacher Education*, 17, 469-485.